

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

AAP325/AAW415 – PERCUKAIAN II

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Jawab **SATU (1)** soalan daripada Bahagian A, pilih **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B dan **Soalan 8** daripada Bahagian C adalah **WAJIB**.

**Bahagian A**

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

**Soalan 1**

Majutani Sdn. Bhd. memulakan satu projek penternakan udang pada 20 Mac 1994. Perbelanjaan pertanian yang layak dikenakan pada tempoh asas berakhir 31 Disember 1994 ialah RM600,000 dan ia adalah berkaitan dengan pembinaan jalan, bangunan dan kolam. Potongan menurut Jadual 4A telah dituntut dan diluluskan kesemuanya. Projek tersebut telah dijual pada 20 Disember 1997 dengan harga RM2,000,000. Bahagian harga jualan berhubung dengan perbelanjaan pertanian yang layak dituntut ialah:

Jalan	RM200,000
Bangunan	RM250,000
Kolam	<u>RM300.000</u>
	<u>RM750,000</u>

Dikehendaki:

Nasihatkan Majutani Sdn. Bhd. mengenai implikasi cukai jualan tersebut.

[10 markah]

**Soalan 2**

Logamseni Bhd. menjalani perniagaan perkilangan alat-alat logam. Pada 1998, Logamseni Bhd. mengadakan perjanjian leasing dengan Fuji Corporation di Jepun bagi sebuah mesin pemotongan yang cangkih. Logamseni Bhd. bertanggungjawab mengimpot mesin tersebut dan juga membayar duti impot yang dikenakan sekiranya ada.

...2/-

Dikehendaki:

Bincangkan implikasi cukai berhubung dengan perjanjian tersebut dengan andaian bahawa:

- (a) Fuji Corporation menjadi establismen tetap di Malaysia.
- (b) Fuji Corporation tidak menjadi establishmen tetap di Malaysia.

[10 markah]

### Soalan 3

Motorlaju Bhd. bermastautin di Malaysia dan mengeluarkan enjin motorsikal. Rodapantas Bhd. merancang mengeluarkan motorsikal di Malaysia dan memilih Motorlaju Bhd. untuk membantunya. Motorlaju Bhd. dikehendaki mendedahkan kepada Rodapantas Bhd. teknologi terkini dan proses sulit berkaitan dengan pengeluaran enjin motorsikal dengan bayaran "wang modal" sebanyak RM10,000,000. Motorlaju Bhd. juga memberikan nasihat teknikal dengan penerimaan bayaran tahunan sebanyak RM50,000. Motorlaju Bhd. tidak pernah mengadakan perjanjian begini dengan mana-mana pihak.

Dikehendaki:

Terangkan sama ada bayaran-bayaran yang diterima oleh Motorlaju Bhd. dikenakan cukai atau tidak.

[10 markah]

### Bahagian B

Jawab TIGA (3) soalan.

### Soalan 4

Kemajuan Insurans Bhd. sebuah syarikat bermastautin di Malaysia mengendalikan perniagaan insurans am dan insurans lepas pantai. Butir-butir berikut telah dipetik dari akaun tahunannya yang berakhir pada 31 Disember 1997:

	Insurans am RM000	Insurans lepas pantai RM000	Jumlah
Premium kasar	1,000	150	1,150
Bunga dari pelaburan			20
Keuntungan pertukaran wang asing			10
Perolehan kasar dari realisasi pelaburan			400
Tuntuan ke atas syarikat	200	20	220
Komisyen kena bayar	50	15	65
Kos pelaburan yang dijual			200
Belanja pengurusan			100
Dana resab bagi risiko belum tamat pada 1.1.1997	180	15	195

...3/-

Makluman tambahan pada 31 Disember 1997 ialah:

		Premium kasar RM000	Premium insurans semula (Malaysia) RM000	Premium insurans semula (luar Malaysia) RM000
Polisi transit	Insurans am Insurans lepas pantai	800 150	200 40	250 50
Polisi bukan transit	Insurans am Insurans lepas pantai	200 -	50 -	60 -

Elaun modal bagi tahun taksiran 1998 ialah RM40,000 dan derma diluluskan yang disumbangkan oleh Kemajuan Insurans Bhd. dalam 1997 ialah RM20,000.

Dikehendaki:

Kirakan cukai kena dibayar oleh Kemajuan Insurans Bhd. bagi tahun taksiran 1998.

[21 markah]

#### Soalan 5

Encik Salleh yang domicile di Malaysia, meninggal dunia pada 1 Disember 1995. Encik Hamid dipilih sebagai eksekutor harta pusaka dan pemegang amanah. Pentadbiran harta pusaka Allahyarham Encik Salleh ditamatkan pada 31 Disember 1996. Selepas tarikh itu Encik Hamid bertindak sebagai pemegang amanah harta pusaka tersebut. Encik Hamid bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 1996 dan 1997. Peraturan badan amanah tersebut mengikut wasiat Allahyarham Encik Salleh ialah:

- Pendapatan yang boleh diagih adalah disediakan untuk manfaat empat orang beneficiari: Along, Angah, Asu dan Acik.
- RM20,000 diperlonggokkan untuk manfaat Acik sehingga ia berumur 21 tahun (Acik kini berumur 15 tahun).
- Along dan Angah harus menerima  $\frac{3}{4}$  pendapatan boleh diagih samarata.
- Asu diberikan amaun yang dianggap bersesuaian oleh pemegang amanah. Dalam tahun berakhir 31 Disember 1997 Asu menerima RM15,000.

Pendapatan harta pusaka Allahyarham Encik Salleh bagi tahun berakhir 31 Disember 1996 ialah:

	<u>RM000</u>
Perniagaan (pendapatan statutori)	50
Bunga (pendapatan larasan)	15
Dividen (pendapatan larasan)	<u>5</u>
	<u>70</u>

Pendapatan dan belanja badan amanah bagi tahun berakhir 31 Disember 1997 ialah:

	<u>RM000</u>
Perniagaan (pendapatan kasar)	150
Belanja perniagaan (hasil)	(40)
Belanja perniagaan (modal)	(10)
Pendapatan bunga	10
Belanja pentadbiran	<u>(10)</u>
	<u>100</u>

Tiada elaun modal dituntut.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan pendapatan tercukai eksekutor harta pusaka Allahyarham Encik Salleh bagi tahun taksiran 1997.

[5 markah]

- (ii) Kirakan cukai kena dibayar oleh badan amanah bagi tahun taksiran 1998.

[4 markah]

- (iii) Kirakan pendapatan statutori setiap benefisiari amanah bagi tahun taksiran 1998.

[12 markah]

Soalan 6

Opticom Corporation dari Amerika Syarikat merancang menubuhkan sebuah syarikat untuk mengeluarkan alat komunikasi di Malaysia tetapi bukan di kawasan yang digalakkan. Mereka dinasihatkan bahawa pengeluaran alat komunikasi adalah satu aktiviti yang digalakkan atau produk yang layak untuk taraf perintis atau elaun cukai pelaburan (ECP).

Prestasi ramalan bagi 5 tahun permulaan ialah:

	Tahun 1 RM000	Tahun 2 RM000	Tahun 3 RM000	Tahun 4 RM000	Tahun 5 RM000
Jualan	4,000	8,000	12,000	17,000	18,500
Kos jualan	(3,000)	(4,500)	(5,000)	(7,250)	(8,000)
	1,000	3,500	7,000	9,750	10,500
Susutnilai	(2,000)	(3,000)	(3,000)	(3,250)	(3,500)
Kos pengurusan	(1,500)	(2,500)	(3,000)	(3,000)	(3,000)
Kos kewangan	(1,000)	(1,500)	(1,600)	(1,400)	(1,000)
Untung/(rugi) sebelum cukai	(3,500)	(3,500)	(600)	2,100	3,000
 Kos pengurusan meliputi:	18	18	18	18	18
Sewa kereta pengarah pengurus (harga tunai asal ialah RM100,000)					
Tambang cuti	50	75	75	75	75
Perkhidmatan institusi penyelidikan yang diluluskan	10	60	40	20	10
Keraian pelanggan	25	45	50	60	70
 Kos kewangan meliputi:					
Bunga ke atas pinjaman jangka panjang	965	1,500	1,600	1,400	1,000
Kos guaman bagi perjanjian pinjaman	35	-	-	-	-
 Perbelanjaan modal dikenakan:					
Tanah	3,000	-	-	-	-
Pembinaan kilang baru (elaun tahunan @ 2%)	3,000	2,000	-		
Jentera & mesin baru (elaun tahunan @ 10%)	5,000	3,000	-	2,000	2,000
Jentera & mesin lama (elaun tahunan @ 10%)	1,000	-	-	-	-
Peralatan pejabat baru (elaun Tahunan @ 12%)	500	300	-	-	-

Dikehendaki:

Nasihatkan Opticom Corporation sama ada ia patut memohon taraf perintis atau ECP terhadap projek tersebut. (Senaraikan alasan dan pengiraan anda).

[21 markah]

Soalan 7

Encik Adil menjadi eksekutor harta pusaka Allahyarham Puan Minah yang meninggal dunia pada 1 Januari 1997. Sebelum meninggal dunia, Puan Minah memperolehi sekeping tanah pada 15 Jun 1995 dengan harga RM1.5 juta. Belanja berikut telah dikenakan:

		RM000
1 Julai 1995	Kos pemindahan termasuk duti setem	50
2 November 1995	Perbelanjaan ke atas penanaman baru	750
15 Jun 1995 hingga 26 Disember 1996	Bunga ke atas pinjaman untuk perolehan tanah	85

Harga pasaran tanah tersebut pada 1 Januari 1997 ialah RM3.5 juta. Pada 20 Mei 1998 tanah tersebut diperolehi oleh Majutanah Sdn. Bhd. dengan harga RM5 juta daripada eksekutor harta pusaka Puan Minah.

Menurut wasiat Puan Minah, anaknya Encik Sulong berhak menerima legasi kewangan sebanyak RM500,000. Walau bagaimanapun, memandangkan kekurangan wang tunai, Encik Sulong menerima sekeping tanah yang diperolehi oleh Puan Minah pada 8 Mac 1994 dengan harga RM250,000. Tanah tersebut telah ditukar milik daripada eksekutor kepada Encik Sulong pada 15 Mac 1997 dan harga pasaran mengikut perlaksanaan duti ialah RM480,000. Oleh kerana Encik Sulong kekurangan wang, ia menjual tanah tersebut pada 1 Jun 1998 dengan harga RM750,000.

Dikehendaki:

- (a) Kirakan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) yang kena dibayar oleh eksekutor, sekiranya ada, terhadap:
- (i) pelupusan tanah kepada Majutanah Sdn. Bhd.
  - (ii) pemindahan tanah kepada Encik Sulong

[14 markah]

- (b) Kirakan CKHT yang kena dibayar oleh Encik Sulong, sekiranya ada, terhadap pelupusan tanah pada 1 Jun 1998.

[7 markah]

Bahagian C (WAJIB)

Soalan 8

Telcom Bhd. mengeluarkan alat komunikasi. Tempoh perakaunan ialah 30 September. Telcom Bhd. mempunyai cawangan perdagangan di Hong Kong dan anak syarikat pemilikan penuh di Singapura. Telcom Bhd. bermastautin di Malaysia dan akaun perdagangan dan untung ruginya bagi tahun berakhir 30 September 1997 adalah seperti berikut:

**Telcom Bhd.**

**Akaun perdagangan, untung rugi untuk tahun berakhir 30 September 1997**

	Nota	Operasi Malaysia RM000	Operasi Hong Kong RM000
<b>Jualan</b>		<b>40,000</b>	<b>12,000</b>
Tolak: Kos jualan			
Stok mula		6,400	2,800
Kos barangang disiapkan	a	23,200	-
Belian		<u>-</u>	<u>8,400</u>
		29,600	11,200
Stok akhir	b	<u>5,600</u>	<u>3,200</u>
		<u>24,000</u>	<u>8,000</u>
Untung kasar		16,000	4,000
<b>Campur: Pendapatan lain</b>			
Dividen	c	1,022	
Bunga dari simpan tetap	d	230	
Royalti	e	146	
Keuntungan jualan aset tetap	f	<u>602</u>	<u>2,000</u>
		<u>18,000</u>	<u>4,000</u>
Tolak: Belanja pentadbiran			
Gaji dan elauan	g	2,190	440
Penyelenggaraan, utiliti dan insurans		950	50
Yuran guaman dan profesional	h	240	40
Sumbangan dan derma	i	760	70
susutnilai		<u>260</u>	<u>120</u>
		<u>4,400</u>	<u>720</u>
<b>Belanja jualan dan pengagihan</b>			
Gaji dan komisyen		3,720	900
Iklan, promosi dan keraian	j	560	170
Pengangkutan dan insurans		920	130
Belanja kenderaan dan perjalanan	k	<u>1,440</u>	<u>240</u>
		<u>6,640</u>	<u>1,440</u>
<b>Belanja kewangan</b>			
Untung sebelum cukai .	l	<u>960</u>	<u>240</u>
		<u>12,000</u>	<u>2,400</u>
		<u>6,000</u>	<u>1,600</u>

Nota: (hanya berkaitan dengan operasi Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya)

(a) Kos barang disiapkan meliputi:

(i)	Belanja penyelidikan dan pembangunan:	RM000
	Kos perjalanan kakitangan menghadiri seminar di luar negeri	20
	Kawalan kualiti dan pengujian produk	40
	Royalti bagi proses sulit	100
	Kos pengangkutan bahan digunakan dalam penyelidikan	24
	Yuran bagi perkhidmatan analisa dan penilaian data	50
	Sewa bagi premis makmal	30.

Permohonan untuk perbelanjaan penyelidikan telah diluluskan untuk semua perbelanjaan yang layak.

(ii)	Belanja latihan:	RM000
	Kursus pembinaan semangat pasukan untuk kakitangan kilang	48
	Elaun harian bagi pelatih pada kadar RM500 sehari	20
	Kursus "Just-in-Time" bagi penyelia keluaran	54
	Elaun harian pada kadar RM300 sehari untuk menghadiri latihan luar negeri	12
	Bayaran bagi kursus perkembangan kemahiran	34
	Bahan latihan untuk meningkatkan kualiti produk	32

Permohonan bagi perbelanjaan latihan telah diluluskan untuk semua perbelanjaan yang layak. Telcom Bhd. belum didaftarkan dengan Dana Perkembangan Sumber Manusia.

(iii)	Sewa leasing sebanyak RM240,000 adalah untuk kegunaan mesin yang telah dibayar kepada syarikat di Belanda. Cukai pegangan telah dipotong.
(iv)	Susutnilai

Kilang	RM000
Jentera dan mesin	240

(b) Nilai stok akhir adalah selepas potongan sebanyak 20% bagi peruntukan keusangan stok.

- (c) Dividen berikut telah diterima daripada anak syarikat di Singapura:

	Kasar RM000	Cukai dipotong RM000	Bersih RM000
Dividen akhir – 27 Disember 1996	1,000	270 (27%)	730
Dividen pertengahan – 27 Jun 1997	400	108 (27%)	292
Dividen akhir – 27 Disember 1998	1,200	324 (27%)	876

Pelaburan dalam anak syarikat telah diperolehi melalui pinjaman sebanyak RM3,000,000 pada Januari 1995.

- (d) Bunga dari simpanan tetap daripada bank di Malaysia telah diterima setengah tahun sekali seperti berikut:

	<u>RM000</u>
31 Disember 1996	90
30 Jun 1997	140
31 Disember 1997	140

Simpanan tetap sebanyak RM3,000,000 telah didepositkan di bank pada 1 Julai 1996 dan ditambah kepada RM4,000,000 pada 1 Januari 1997.

- (e) Royalti bersih telah diterima daripada anak syarikat di Singapura.
- (f) Keuntungan dari jualan aset tetap adalah seperti berikut:

	Tahun perolehan	Kos asal RM000	Harga jualan RM000	Nilai selepas cukai RM000
Jentera dan mesin II	1993	2,460	480	-
Kereta Mercedes	1994	300	180	32
Komputer pejabat	1994	240	40	100
Susutnilai terkumpul		3,000	700	132
		2,902		
		98		
Harga jualan		700		
Keuntungan		602		

- (g) Gaji dan elauan termasuk: ganjaran pengarah pengurusan sebanyak RM240,000, sumbangan 22% bagi KWSP dan bonus 6 bulan gaji.

(h) Yuran guaman dan profesional:

	RM000
Pembaharuan tandaniaga dan proses sulit	90
Menyiapkan tender bagi pelanggan luar negeri	40
Mereka dan mencetak buku korporat	36
Menyediakan buku panduan kakitangan dan manual operasi	44
Penyelidikan pasaran ekspot	<u>30</u>
	<u>240</u>

- (i) Sumbangan dan derma termasuk derma sebanyak RM520,000 yang mana RM100,000 dan RM240,000 telah dibayar kepada institusi yang diluluskan pada 31 Oktober 1996 dan 30 Jun 1997 masing-masing. Derma sebanyak RM310,000 telah berikan kepada institusi yang diluluskan pada 30 November 1997.

(j) Iklan, promosi dan keraian meliputi:

	RM000
Elaun harian sebanyak RM400 sehari bagi perundingan kontrak ekspot	40
Iklan dalam majalah perdagangan serantau	50
Belanja ke atas lawatan pemborong dari luar negara	10
Keraian pelanggan luar negara	36
Perayaan pekerja cemerlang	16
Keraian kakitangan	24

(k) Belanja kenderaan dan perjalanan meliputi:

	RM000
Penyelenggaraan kenderaan dan minyak	450
Tambang cuti luar negeri	100
Konvensyen pemborong jualan di Bali	120
Persidangan pengurusan tahunan di Genting	96
Sewa leasing – kereta Volvo (sewa bulanan @ RM6,000 dari 1 Januari 1996)	72
- kereta Mercedes (sewa bulanan @ RM3,000 dari 1 Januari 1997)	27

- (l) Bunga dibayar ke atas kemudahan kredit sebanyak RM12,000,000 pada kadar RM80,000 sebulan. Kemudahan ini diberikan pada 1 Januari 1994.

- (m) Aset tetap (dicerminkan di kunci kira-kira) yang layak untuk elauan modal adalah seperti berikut:

	Tarikh pembinaan/ perolehan	Kos RM000	Kadar elauan tahunan %
Bangunan kilang	1 Januari 1995	1,600	2
Jentera dan mesin I	31 Ogos 1996	2,400	16
Perabot dan kelengkapan pejabat	1 Disember 1996	500	12
Jentera dan mesin III	30 Jun 1997	1,000	10

Jentera dan mesin III diperolehi untuk tujuan peningkatan kapasiti. Telcom Bhd. juga membelanjakan RM300,000 untuk meluaskan kilang yang telah diambil kira dalam belanja penyelenggaraan, utiliti dan insurans.

- (n) Untung selepas cukai Hong Kong bagi cawangan Hong Kong ialah RM1,336,000 di mana separuh daripada amaun tersebut telah diterima di Malaysia pada 30 September 1997.

- (o) Kadar cukai asing ialah:

Hong Kong	16.5%
Singapura	27%

Malaysia mempunyai perjanjian percuai dua kali dengan Singapura tetapi tiada dengan Hong Kong.

Dikehendaki:

Kirakan liabiliti cukai Telcom Bhd. bagi tahun taksiran 1998 dengan menunjukkan kesemua pelarasian cukai.

[27 markah]

---ooo000ooo---